



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**

PENGUMUMAN RASMI

KRISIS COVID-19:

**PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR (BAHARU DAN LAMA) DARI KAWASAN
ZON MERAH COVID-19
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelajar yang dikasihi,

1. Berdasarkan kenyataan media YB. Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr.Noraini Ahmad bertarikh 27 September 2020 , pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyarankan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menangguhkan dahulu **urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dan lama** dari kawasan **zon merah** secara bersemuka di kampus UMP Pekan dan Gambang yang dijadualkan mulai 12 Oktober 2020.
2. Proses pendaftaran bagi kumpulan pelajar terbabit akan dilakukan secara dalam talian mulai 5 Oktober 2020 dan 18 Oktober 2020 bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar boleh pulang ke kampus mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada setelah keadaan kembali pulih.
3. Bagi pelajar yang **bukan** dari kawasan **zon merah**, kemasukan ke kampus kekal mengikut kalendar akademik UMP sebagaimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Universiti. Oleh yang demikian, pemakluman rasmi dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat pelajar & Alumni) bertarikh 26 September 2020 berhubung Status Kehadiran Ke Kampus Bagi Pelajar Yang Terlibat Dengan Perintah Kawalan Di Zon Merah Dan Kuning Dan Arahan Saringan Kesihatan Dalam Kalangan Individu/Pelajar Dari Sabah adalah **DIBATALKAN** berkuatkuasa serta merta.
4. Selaras dengan kenyataan media tersebut juga, pelaksanaan aktiviti akademik di UMP akan sentiasa mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan. Pada masa yang sama, semua

pelajar diingatkan supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

5. Pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999 sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 27 September 2020

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe
#StayStrong
#StayAtHome
#AmalkanPenjarakanSosial
#KitaJagaKita